

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian akan meneruskan Program Sarapan Makanan ke sekolah pada sesi 2020 terutamanya pelajar yang kurang berkemampuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan meneruskan Program Sarapan Pagi. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 dengan mengambil kira implikasi kos pelaksanaan dan kelestarian program. Jemaah Menteri juga memutuskan supaya program rancangan makanan sedia ada untuk murid sekolah rendah, iaitu Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diteruskan dengan beberapa penambahbaikan.

Sehubungan itu, KPM telah melaksanakan Penambahbaikan Program Rancangan Makanan Tambahan (PPRMT) mulai 20 Januari 2020. Program ini memberi manfaat kepada 4,873 orang murid di 100 buah sekolah terpilih seluruh negara. Anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan PPRMT adalah sebanyak RM2.4 juta setahun. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan dalam PPRMT ialah:

NO. SOALAN : 29

1. kumpulan murid yang layak telah diperluaskan daripada keluarga dalam kategori miskin tegar ke kategori miskin berdasarkan Jadual Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional; dan
2. waktu pelaksanaan PPRMT ditetapkan sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula. Bagi murid sesi pagi, waktu makan adalah pada jam 7.00 pagi hingga 7.30 pagi. Manakala, bagi murid sesi petang, waktu makan adalah pada jam 12.30 tengah hari hingga 2.00 petang.

Dalam masa yang sama, KPM juga masih meneruskan Program RMT sedia ada di semua sekolah rendah KPM. Program ini memberi manfaat kepada 473,617 murid dengan peruntukan sebanyak RM295 juta bagi tahun 2020. Kriteria yang ditetapkan untuk penerima RMT sedia ada adalah seperti berikut:

1. murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;
2. murid dalam keluarga yang pendapatan Isi Rumah (IR) adalah di bawah PGK (kategori miskin tegar);
3. murid sekolah Orang Asli / Penan (kecuali yang tinggal di asrama); dan
4. Murid Berkeperluan Khas (OKU).

Selain daripada menyediakan makanan berkhasiat, murid juga diberikan pendedahan mengenai pendidikan kesihatan dengan mengamalkan pengambilan sarapan serta gaya hidup sihat. Program ini juga dapat menerapkan nilai murni, pembinaan sahsiah diri dan disiplin melalui amalan adab dan etika makan dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.